

SOALAN NO. 290

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan antara 2013 hingga 2016 bagi tujuan pembangunan di dalam kawasan Parlimen Kulai dan butiran projek-projek pembangunan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM153 juta bagi pelaksanaan 11 projek pembangunan bagi tahun 2013 hingga 2016 di kawasan Parlimen Kulai. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 projek telah siap manakala baki 3 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Projek tersebut merangkumi projek – projek kesihatan, pendidikan dan infrastruktur.

Sekian, terima kasih.